SOALAN NO.: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]

TARIKH : 25 MAC 2015

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan;

(a) apakah hasil rundingan terakhir antara Malaysia, Indonesia dan Thailand mengenai kedudukan harga getah yang kekal rendah; dan

(b) bilakah kedudukan harga getah di Malaysia dijangka akan naik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand, kerjasama pengukuhan harga getah telah dibincangkan dalam Mesyuarat ITRC, Peringkat Pegawai pada 26-27 Februari 2015 di Bandung, Indonesia. Dalam hal ini, ketiga-tiga negara berpendapat langkah jangka pendek melalui pelaksanaan kaedah *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang melibatkan pengawalan/penahanan eksport getah asli bagi tempoh tertentu adalah tidak sesuai pada masa kini. Ini adalah memandangkan stok getah asli semasa dunia yang tinggi pada paras 3.0 juta tan dan ketiga-tiga negara yang menghasilkan 66% daripada pengeluaran getah asli dunia tidak dapat mempengaruhi harga getah asli dunia.

Sebaliknya ketiga-tiga negara TIM (Thailand, Indonesia dan Malaysia) dalam mesyuarat tersebut telah mempersetujui satu pelan tindakan untuk memperkukuhkan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

i. Meningkatkan penggunaan getah dalam negara di kalangan negara TIM pada kadar 10% setiap tahun;

ii. Bertukar-tukar maklumat/data dan berkongsi hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru getah dari semasa ke semasa; dan

iii. Berdialog dengan Cambodia, Loas, Myanmar dan Vietnam (CLMV) untuk berkerjasama dengan negara-negara ITRC bagi memperkukuhkan harga getah. Ini adalah memandangkan negara-negara ITRC dan CLMV menghasilkan 77% daripada pengeluaran getah asli dunia. Kerjasama ini akan mengujudkan sentimen positif kepada pasaran getah.

(b) Harga pasaran getah di Malaysia juga bergantung kepada harga antarabangsa. Memandangkan kepada pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama dan dengan adanya bekalan tambahan dari kawasan baru yang ditanam secara meluas di Thailand, Indonesia, Vietnam, Cambodia dan Laos, adalah dijangkakan dalam jangka masa pendek penawaran akan melebihi permintaan. Berdasarkan kepada senario ini, harga getah asli di pasaran antarabangsa dijangka berada di paras antara USD1.50 sehingga USD2.00 sekilogram bagi SMR20 dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.